



SIARAN AKHBAR

Program Diskaun Dan Rebat Tol Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Sempena Perayaan Tahun Baru Cina Bagi Tahun 2015

1. LLM ingin memaklumkan bahawa pemberian diskaun dan rebat sempena musim perayaan akan diteruskan sebagai menyambut seruan Kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat konsesi melaksanakan *Program Corporate Social Responsibility* (CSR) di lebuhraya masing-masing sebagai tanda penghargaan mereka kepada pengguna-pengguna lebuhraya.
2. Lebuhraya-lebuhraya tol yang sedang beroperasi telah bersetuju untuk menawarkan insentif berbentuk diskaun dan rebat tol kepada pengguna-pengguna lebuhraya sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 19 Februari 2015.
3. Lebuhraya-lebuhraya yang terlibat adalah :
 - i) Lebuhraya Damansara Puchong (LDP)
 - ii) Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL-Barat (SPRINT)
 - iii) Lebuhraya Bertingkat Ampang – Kuala Lumpur (AKLEH)
 - iv) Lebuhraya Koridor Guthrie (GUTHRIE)
 - v) Lebuhraya Kemuning Shah Alam (LKSA)
 - vi) Lebuhraya SMART
 - vii) Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
 - viii) Lebuhraya KL – Karak (KLK)
 - ix) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1)
 - x) Lebuhraya Duta Ulu Kelang (DUKE)
 - xi) Lebuhraya Cheras Kajang (Grand Saga)
 - xii) Lebuhraya Pintas Selat Kelang Utara Baru (NNKSB)

- xiii) Lebuhraya KL-Putrajaya (MEX)
 - xiv) Lebuhraya Senai Desaru (SDE)
 - xv) Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)
 - xvi) Lebuhraya Kajang Seremban (LEKAS) – *Plaza Tol Ampangan Sahaja*
 - xvii) Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) – (*Kecuali Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, Jitra, Sungai Rasau, Batu Tiga, Kempas dan Bangunan Sultan Iskandar*)
 - xviii) Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE)
4. Diskaun yang ditawarkan adalah di antara 5% hingga 37.5%. Manakala Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE) pula menawarkan rebat tol sebanyak 30% kepada pengguna kelas 1 (kereta) yang membuat perjalanan melebihi 100 km pada 16 dan 23 Februari 2015 serta membayar tol menggunakan bayaran tol secara elektronik (ETC) . Jadual lengkap pemberian diskaun dan rebat tol adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
5. Selain daripada pemberian rebat dan diskaun kadar tol, Lebuhraya Sungai Besi, (BESRAYA), Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang (SILK), Lebuhraya Cheras Kajang (Grand Saga) dan Lebuhraya KL- Kuala Selangor (LATAR) akan memberikan kad Touch & Go secara percuma kepada pengguna lebuhraya .

Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Februari 2015